

# Idayu juara karaoke Karnival TM2008

Pernah memenangi beberapa pertandingan nyanyian sebelum ini termasuk mewakili Terengganu pada Pertandingan Lagu Irama Malaysia pada tahun 2007.

ST 14/04/08 pg T24

■ NORHAFIZA MUSA

**LAGU** 'Bertakhta di Hati' dendangan Faradha membawa tuah kepada penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Idayu Mohd Sopiee, 22, selepas diumumkan sebagai juara Pertandingan Karaoke Sempena Karnival TM2008, Sabtu lalu.

Pertandingan yang mendapat kerjasama Dza Music Entertainment itu turut disertai sembilan peserta lain yang tidak kurang hebatnya.

Idayu ketika ditemui **Sinar Harian** melahirkan syukur dan gembira kerana memenangi pertandingan tersebut.

"Sebenarnya, peserta lain juga memberikan saungan hebat dan tampil dengan persembahan yang amat mengagumkan tetapi alhamdulillah, ia rezeki saya kali ini."

"Saya memilih lagu



Idayu bersama pemenang tempat kedua, ketiga dan pihak pengajar.



'Bertakhta di Hati' kerana ia dapat menguji kekuatan vokal dan saya juga sememangnya amat menyukai lagu ini.

"Hasil sokongan dan dorongan daripada rakan juga menjadi faktor utama saya mampu memberikan persembahan terbaik yang dapat memikat hati juri serta penonton," katanya yang pernah memenangi beberapa pertandingan nyanyian sebelum ini termasuk mewakili Terengganu pada Pertandingan Lagu Irama Malaysia pada tahun 2007.

Tempat kedua pertandingan pula dimenangi Azizan Abd Aziz yang menyanyikan lagu 'Kelmarin yang Pijar' dendangan kumpulan Farenheit, sementara Mohd Shamsura Ramlie terpaksa berpuas hati menduduki tempat ketiga dengan pilihan lagunya 'Mentari di Ufuk Timur' yang pernah dipoparkan kumpulan Search.

Kategori persembahan terbaik pula dimenangi peserta cilik, Wan Shuaib Wan Suraji, 13, yang menyanyikan lagu 'Di Bawah Pohon Asmara' dendangan penyanyi bersuara lantang, Jaclyn Victor.

Semua pemenang menerima hadiah

**“ Saya memilih lagu 'Bertakhta di Hati' kerana ia dapat menguji kekuatan vokal dan saya juga sememangnya amat menyukai**